

PENDAHULUAN

1. PENGENALAN.

Kertas projek ini adalah satu hasil kerja untuk memenuhi syarat pengajian dalam Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, bagi mendapatkan ijazah sarjana muda.

Ajaran sesat adalah satu bentuk ancaman yang merbahaya kepada perkembangan dakwah Islamiah dan aqidah umat Islam. Sekiranya pergerakan ini tidak diberikan perhatian yang serius oleh pihak yang bertanggungjawab, ia akan menimbulkan banyak masalah di kalangan masyarakat dan kekuatan umat Islam. Menyedari fenomena ini, Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) telah mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk membentaras gerakan ini khasnya di Negeri Johor.

Melalui kertas projek ini, penulis cuba menerangkan langkah-langkah yang telah diambil oleh JAIJ dalam menghadapi gerakan ajaran sesat di Negeri Johor setakat yang termampu. Semoga usaha ini dapat menyedarkan orang ramai, tentang bahayanya pengaruh ajaran sesat kepada masyarakat dan diharapkan mereka bersikap positif serta memberikan kerjasama yang sewajarnya dalam membentaras ajaran tersebut.

2. LATAR BELAKANG MASALAH.

Sejak awal penyebaran Islam lagi musuh-musuh Islam telah berusaha untuk menghalang Islam dari terus berkembang. Berbagai teknik dan strategi telah digunakan untuk melemahkan aqidah umat Islam. Mereka telah memperkenalkan sistem sekular dalam pelbagai aspek kehidupan mencakupi bidang pendidikan, politik, ekonomi, sistem pentadbiran dan sebagainya. Ia merupakan salah satu cara yang berkesan dalam menentang Islam dengan berselindung di sebalik nama dan gerakan Islam sendiri.

Musuh-musuh Islam telah melibatkan diri dalam gerakan yang berbentuk kerohanian, terutamanya dalam bidang tasawuf dan tariqat. Menerusi gerakan ini mereka menanam fahaman-fahaman dan amalan yang bukan dari ajaran Islam. Dengan itu lahirlah ajaran-ajaran yang memeralatkan ayat-ayat Al-Quran dan Hadith yang boleh membawa kepada peryelewengan aqidah dan perpecahan ummah.

Gerakan tersebut telah berkembang pesat hingga merebak ke Malaysia. Negeri Johor tidak berkecuali daripada menerima perkembangan ajaran ini dan ramai juga masyarakat Islam di negeri ini yang telah terpengaruh dengannya.

Situasi ini boleh membahayakan kaum muslimin, maka menjadi kewajiban semua orang Islam untuk membendung dan membenteraskannya

supaya ia tidak terus bertapak dan merebak di negeri ini. Pada masa ini gerakan ajaran sesat ini telah dapat dikesan oleh pihak berwajib. Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) telah dan sedang berusaha untuk membentasi ajaran ini di samping sentiasa mengawasi pergerakannya, agar ia tidak terus bertapak di negeri ini.

3. RASIONAL KAJIAN.

Penulis membuat kajian ke atas masalah ini, kerana menyedari betapa pentingnya mendedahkan serba sedikit mengenai bahaya kegiatan ajaran sesat yang bertentangan dengan agama Islam itu sendiri. Penulis juga ingin mengetahui sejauh mana pihak berwajib mengatasi masalah ini dan membawa mereka yang terlibat dalam gerakan ini kembali ke jalan yang benar. Kajian ini dianggap bersesuaian dengan diri penulis sendiri yang mengambil subjek dakwah sebagai matapelajaran pilihan dalam kursus Usuluddin di Akademi Islam.

Masalah penyelewengan aqidah Islam adalah satu masalah besar yang memerlukan kepada jalan penyelesaian. Sejak kebelakangan ini masalah perpecahan ummah telah diberikan perhatian yang besar oleh pihak kerajaan dan dicari jalan penyelesaiannya, maka penulis juga berpendapat masalah penyelewengan aqidah juga seharusnya diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak berkenaan, kerana ia merupakan salah satu daripada punca berlakunya perpecahan ummah.

Masyarakat Islam juga seharusnya menyadari kewajiban mereka dalam bidang dakwah dan bersikap positif, bekerjasama mengemb~~ing~~ tenaga dan fikiran untuk menyelesaikan masalah perkembangan ajaran sesat, yang telah berjaya mempengaruhi sebahagian dari mereka.

4. OBJEKTIF KAJIAN.

Kajian ini dibuat memandangkan sejak kebelakangan ini kegiatan ajaran sesat semakin menjadi-jadi di Malaysia amnya dan di Johor khasnya. Penulis juga membuat kajian ini dengan berobjektifkan :-

- a) Untuk menyedarkan orang ramai tentang bahaya ajaran sesat yang memesongkan aqidah dan keimanan kaum muslimin.
- b) Untuk mengingatkan umat Islam supaya berhati-nati terhadap teknik dan strategi jahat musuh-musuh Islam dalam menjauhkan mereka daripada ajaran-ajaran Islam.
- c) Untuk menyedarkan masyarakat tentang tanggungjawab mereka dalam memerangi ajaran sesat yang tersebar luas di negara ini.
- d) Memberi peringatan kepada umat Islam, supaya jangan mudah terpengaruh dengan kumpulan-kumpulan yang mendakwa sebagai kumpulan tariqat, "suluk", "tajalli" dan sebagainya.
- e) Mendedahkan kepada masyarakat umum tentang ciri-ciri yang menunjukkan sesuatu ajaran itu termasuk dalam ajaran sesat.
- f) Memberikan kefahaman yang sebenar kepada masyarakat bahawa ajaran dan amalan dalam Islam adalah untuk seluruh umat

- Islam, bukannya untuk orang-orang yang tertentu sahaja.
- g) Untuk menyedarkan umat Islam bahawa Islam adalah agama yang diredhai oleh Allah. Ia tidak perlu dilakukan dengan sembunyi-sembunyi dan rahsia dari pengetahuan umum.
 - h) Untuk mendedahkan kepada masyarakat bagaimana JAIJ memainkan peranannya dalam membasmi ajaran sesat di Johor.
 - i) Untuk menyeru seluruh umat Islam, bekerjasama dalam usaha memerangi ajaran sesat yang semakin meluas di negara ini.

5. TUMPUAN KAJIAN.

Dalam penulisan ini, penulis telah menumpukan kajiannya kepada langkah-langkah yang diambil oleh pihak JAIJ dalam membasmi ajaran sesat. Berdasarkan kepada tajuk kertas projek ini, penulis memperlihatkan skop kajiannya khusus kepada usaha-usaha yang dilakukan oleh JAIJ untuk menghapuskan ajaran sesat di Johor. Di sini penulis telah menerangkan sedikit sebanyak latarbelakang JAIJ sebagai sebuah badan yang beroperasi dalam segala hal ehwal keagamaan di Johor. Dalam kajian ini penulis telah menjelaskan bagaimana jabatan ini menggerakkan jenteranya untuk mengimplimentasikan tugas ini.

6. SAMPEL KAJIAN DAN SUBJEK KAJIAN.

Penulis telah mengambil Negeri Johor sebagai sampel kajian, manakala lokasi kajian pula adalah Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ). Sementara ketua penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan dan ketua penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan sebagai subjek kajian. Penulis telah menemui responden-responden tersebut untuk mendapatkan maklumat dan fakta-fakta yang tidak kedapatan dalam dokumen.

7. SISTEM PENULISAN.

Penulis telah membahagikan penulisan ilmiah ini kepada lima bab, iaitu :-

- 1) Pendahuluan.
- 2) Landasan teori yang mengandungi pengertian tajuk, sejarah kemunculan ajaran sesat dan implikasinya kepada masyarakat.
- 3) Kehidupan beragama masyarakat Johor.
- 4) Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) dalam membasmi ajaran sesat.
- 5) Penutup.

- 1) Pendahuluan.

Bab ini merupakan pengenalan, di mana penulis menerangkan secara sepintas lalu tentang bahaya ajaran sesat yang boleh menyelewengkan aqidah umat Islam, juga harapan penulis semoga pihak JAIJ dan

masyarakat memberikan kerjasama yang sewajarnya dalam usaha membententaskan ajaran ini di Johor khususnya dan Malaysia umumnya.

Dalam bab ini juga penulis membicarakan tentang latarbelakang masalah. Penulis telah menerangkan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh musuh-musuh Islam untuk melemahkan aqidah dan kekuatan umat Islam dengan memperkenalkan sistem sekular dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk hal keagamaan. Secara sepintas lalu, penulis juga menerangkan segala permasalahan yang telah ditimbulkan oleh mereka melalui ajaran sesat yang telah dapat dikesan.

Dalam bahagian rasional kajian, penulis melahirkan rasa optimis bahawa kajian ini sebagai satu langkah penyelesaian kepada masalah perkembangan ajaran sesat yang menular dalam masyarakat.

Penulis telah memberikan beberapa alasan atas pemilihan tajuk latihan ilmiah ini secara ringkas dalam bahagian objektif kajian. Dalam usaha melakukan kajian berdasarkan objektif ini, penulis telah menumpukan kajian kepada langkah-langkah JAIJ membasmi ajaran sesat di Negeri Johor. Ini tercatat dalam bahagian sampel dan subjek kajian.

Dalam bab pendahuluan, mengandungi bahagian metodologi, ia memuatkan kaedah-kaedah yang digunakan oleh penulis dalam menyiapkan rangka penulisan latihan ilmiah ini. Ia terbahagi kepada dua bahagian

iaitu :-

i) Method pengumpulan data.

Dalam usaha untuk mengumpulkan fakta dan menyajikannya, penulis telah menggunakan method Historis, Dokumentasi, Interview dan method Observasi.

ii) Method analisa data dan penulisan.

Dalam menganalisa sesuatu data yang berhubungan dengan tajuk kajian, penulis telah menggunakan method Induktif, Deduktif dan method Komparatif.

Bab pendahuluan ini juga mengandungi huraian tentang penulisan latihan ilmiah ini. Bahagian ini membincangkan bilangan bab yang dibuat dalam huraian ringkas tentang apa yang telah dibincangkan di dalam tiap-tiap bab.

Melalui bab ini penulis telah memaparkan beberapa masalah yang dihadapi, dalam usaha untuk menyiapkan rangka penulisan latihan ilmiah ini yang meliputi beberapa perkara. Ini dapat dilihat dalam bahagian masalah kajian.

Penulis juga telah mengambil ruang dalam bab pendahuluan ini untuk mencatatkan sejarah penubuhan JAIJ, berdasarkan kepada beberapa catatan sejarah. Di samping itu penulis juga menjelaskan bahagian-bahagian yang terdapat dalam struktur organisasi pentadbirannya, objektif penubuhan dan bidang kuasa yang ada padanya. Ini boleh dilihat dalam bahagian pengenalan JAIJ.

Dalam bab ini juga penulis telah membicarakan secara ringkas peranan JAIJ dalam membasmi ajaran sesat di Johor.

2) Laporan Penyelidikan Dan Penafsiran Data.

Di dalam bahagian ini dipaparkan beberapa bab yang telah diklasifikasikan oleh penulis kepada tiga bab. Ia merangkumi bab-bab berikut :-

i) Bab Kedua.

Bab ini membincangkan tentang definisi ajaran sesat yang telah diberikan oleh Unit Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri juga mengikut Enakmen Jabatan Agama Islam Johor. Penulis juga membincangkan implikasi pengembangan ajaran sesat terhadap masyarakat. Tidak lupa juga penulis memaparkan sejarah kemunculan gerakan ajaran sesat.

ii) Bab Ketiga.

Bab ini membicarakan tentang penting atau perlunya memerangi ajaran sesat yang telah berjaya mempengaruhi segelintir masyarakat Islam. Di sini juga penulis telah menceritakan tentang kehidupan beragama masyarakat Islam di Johor. Dalam bab ini telah didedahkan faktor-faktor yang membuatkan masyarakat terpengaruh dengan ajaran sesat. Penulis juga telah memuatkan beberapa ajaran sesat yang telah dikenal pasti oleh JAIJ termasuk Ajaran Taslim, Nur Zaman dan sebagainya.

iii) Bab Keempat.

Bab ini menganalisa peranan yang dimainkan oleh JAIJ dalam usahanya membentaras ajaran sesat serta tindakan yang telah diambil dalam usaha tersebut. Dalam bab ini juga, penulis telah mendedahkan tektik yang digunakan oleh JAIJ untuk mengenalpasti sesuatu gerakan ajaran sesat dan cara mereka bertindak.

3) Penutup.

Di dalam bab kelima ini, penulis telah mengemukakan kesimpulan-kesimpulan yang dibuat dari keseluruhan kajian ini. Kesimpulan ini dibuat berdasarkan kepada penelitian semua fakta dan data yang telah dibahaskan dalam bab-bab yang terdahulu. Di dalam bab ini dibentangkan juga beberapa saranan untuk membentaras ajaran sesat yang semakin berleluasa pada hari ini. Tidak dapat dinafikan usaha ini memerlukan kerjasama dan gabungan tenaga dari semua pihak untuk menjamin kejayaannya.

B. METHODOLOGI KAJIAN.

Penulis telah melakukan penyelidikan ini secara medan atau "field research" dan juga perpustakaan. Dalam usaha untuk mengumpul-kan data-data yang telah diperolehi dalam kajian ini, penulis menggunakan beberapa method yang difikirkan perlu. Diantara method yang digunakan ialah :-

a) Method Historis.

Iaitu dengan membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang mengandungi perspektif sejarah. Dalam kajian ini penulis menggunakan method Historis dalam usaha mendapatkan data tentang:

- i) Sejarah penubuhan JAIJ dalam bab pertama.
- ii) Sejarah kemunculan ajaran sesat dalam bab kedua.

b) Method Dokumentasi.¹

Ia bererti cara pengumpulan data dengan membuat kajian terhadap dokumen dan bahan-bahan bertulis yang ada hubungannya dengan masalah yang dikaji. Penulis menggunakan method ini bagi mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan latarbelakang masalah kajian, definisi tajuk, sejarah kemunculan ajaran sesat dan lain-lain yang berkaitan dengan kajian ini. Dokumen yang digunakan ialah Al-Quran, Sunnah, buku-buku, majalah, suratkhbar dan bahan-bahan lain yang difikirkan perlu.

c) Method Interview.²

Method ini juga dikenali sebagai method Wawancara, yang bererti cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan dan pendapat secara lisan dari seseorang responden dengan bercakap-cakap berhadapan muka.

¹ Koentjaraningrat (Ed.), Method-Methode Penelitian Masyarakat Jakarta, Penerbit P.T. Gramedia, 1977, m.s. 115

² ibid. m.s. 117

penulis telah mengadakan interview dengan orang-orang yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Usaha ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang tidak terdapat dalam fakta bertulis.

d) Method Observasi.

Dalam kajian ini penulis telah mengumpulkan maklumat, berdasarkan kepada pengamatan penulis secara langsung terhadap subjek yang diteliti sebagai bahan kajian.

Manakala untuk mengolah sesuatu data, penulis telah menggunakan method-method berikut:

a) Method Induktif.³

Iaitu satu cara menganalisa data melalui pola pemikiran yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum. Dalam penulisan ini, penulis telah memaparkan data yang bersifat khusus dan dari situ membuat kesimpulan yang bersifat umum.

b) Method Deduktif.⁴

Method deduktif bererti cara menganalisa data dan melakukan penulisan berdasarkan kepada pola pemikiran bagi mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil yang bersifat umum terhadap hal-hal yang

³ Imam barnadib, Arti Dan Method Sejarah Pendidikan, Yokyakarta: Yayasan FIP- IKIP, 1982, m.s. 51.

⁴ ibid., m.s. 52.

bersifat khusus. Method ini digunakan dalam:

- i) Membicarakan tentang pandangan Islam terhadap amalan-amalan yang dilakukan dalam kegiatan ajaran sesat dalam bab keempat.
- ii) Membuat kesimpulan dalam bab kelima.

c) Method Komparatif.⁵

Ia bererti cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi semasa membuat penelitian. Data yang dibandingkan itu terdiri daripada amalan-amalan yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan ajaran sesat dengan ajaran Islam yang sebenar, sepertimana yang diajar dan disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. Method ini banyak digunakan dalam bab kelima.

9. MASALAH KAJIAN.

Dalam usaha menyiapkan kajian ini, penulis menghadapi beberapa kesukaran, termasuk mendapatkan bahan-bahan yang berbentuk dokumen bagi mendapat dan melengkapkan fakta-fakta penting. Di samping itu penulis juga menghadapi berbagai masalah dalam usaha mendapatkan maklumat dari responden, penulis terpaksa membuat beberapa kali temujanji

⁵ ibid., m.s. 135.

memandangkan responden-responden yang ditemui adalah orang-orang yang agak sibuk. Oleh itu walaupun pada dasarnya kajian ini bermula sejak bulan Jun 1989 lagi, namun ia tidak dapat berjalan lancar kerana kurangnya kerjasama dari pihak responden yang terpaksa menangguhkan beberapa kali sesi interview dengannya.

Penulis juga menghadapi masalah dalam menentukan teknik penulisan yang terbaik bagi penulisan ilmiah ini, kerana kekurangan pengalaman penulis sendiri dalam hal-hal seperti ini. Walaubagaimanapun penulis tetap bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnia-Nya penulis berjaya juga menyiapkan latihan ilmiah ini meskipun terpaksa menghadapi berbagai dugaan dan rintangan.

10. SEJARAH PENUBUHAN JABATAN AGAMA ISLAM JOHOR (JAIJ).

Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) merupakan sebuah badan agama yang tertinggi di Negeri Johor. Kebanyakan aktiviti JAIJ tertumpu kepada kegiatan keagamaan, meliputi aspek perkembangan ilmu pengetahuan dan bidang dakwah bagi memberikan kesedaran beragama kepada masyarakat Johor khususnya. Terdapat banyak fakta yang menjelaskan bahawa di JAIJ telah ada satu organisasi yang berfungsi melaksanakan undang-undang Islam, jawatan hakim dan mufti sejak dahulu lagi.

Kegiatan agama di Johor dikatakan telah bermula sebelum tahun 1895 lagi. Pada tahun tersebut pengaruh Islam telah nyata dalam undang-undang tubuh pada fasal 57 yang menetapkan Islam sebagai "Agama Negeri" selama-lamanya.¹ Penetapan ini telah menyebabkan Kitab "Syamaratul Mihmah",² memainkan peranan yang penting dalam menjalankan kaedah kehakiman di Negeri Johor. Jawatan Datuk Mufti Johor yang diberikan kepada Syed Salim Ahmad al-Attas pada 1895 menguatkan lagi kenyataan ini. Sementara itu Yang Arif Dato^c Hj. Mohd Salleh Hj. Mohd Arif majistret Johor pula, telah dijadikan hakim Johor. Manakala pada tahun 1899 pula Datuk Hj. Abdullah Musa telah dilantik menjadi Hakim Besar Johor merangkap Mufti Johor.³

Catatan separa resmi yang ditemui menunjukkan bahawa pada tahun 1873⁴ Mufti Syed Salim dan Imam Hj. Abdul Rahman telah dilantik menjadi maharaja Johor sebagai ahli dewan negeri. Pada tahun 1893 pula Dato^c Syed Salim telah dilantik sebagai Mufti Johor manakala Dato^c Hj. Abdul Rahman sebagai skadi.

¹ M.A. Fwazi Basri, Warisan Sejarah Johor, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, m.s. 12.

² ibid.

³ ibid.

⁴ M.A. Fwazi Basri dan Hasrom Harun, Sejarah Johor Moden 1855-1940 Satu Perbincangan Dini Pelbagai Aspek, Muzium Negara, Kuala Lumpur, cetakan 1 1978, m.s. 177.

Menjelang tahun 1893 juga, jajahan Muar, Batu Pahat, Pontian, Endau dan Kota tinggi telah dibuka. Pembukaan ini telah menyebabkan kerajaan mengadakan pula jawatan kadi besar dan kadi daerah.¹

Namun begitu sehingga tahun 1895 tidak ada fakta yang dapat menerangkan secara terperinci mengenai tugas mufti dan kadi negeri yang sebenar. Pada masa itu Jabatan Agama belum ditubuhkan lagi dan mufti juga bertugas sebagai pengapit hakim dalam mahkamah Johor. amalan ini berlanjutan sehingga 1906.² Setelah itu pada tahun 1911 mufti telah dipertanggungjawabkan untuk menguasai bidang kehakiman yang bersabit dengan hukum Islam dan Syariah.

Walaupun tidak ada tarikh tepat yang menerangkan tentang penubuhan Jabatan Agama Islam Johor, namun Johor dikatakan sebagai negeri terawal mempunyai perlembagaannya sendiri yang bertulis di zaman moden abad ke duapuluh. Pada tahun 1895 perlembagaan Negeri Johor telah diluluskan dan ekoran dari itu dilakukan penyusunan semula sistem pentadbiran negeri supaya selaras dengan kehendak zaman. Melalui kuasa undang-undang tubuh Kerajaan Johor 1895 fasal 28,³ telah ditubuhkan satu Majlis Mesyuarat Negeri untuk menentukan dasar-dasar

¹ ibid.

² ibid.

³ Jawatankuasa Penganjur Perhimpunan Melayu Negeri Johor Darul Takzim, Kertaskerja: "Kepimpinan Melayu Johor Kesenambungan Perjuangan Bermartabat", Kompleks Islam, Johor Bahru, 1988, m.s. 5.

utama yang akan dilaksanakan oleh jentera pentadbiran kerajaan. Ekoran dari itu telah ditubuhkan Jabatan Polis, Jabatan Pelajaran, Jabatan Kesihatan juga Jabatan Agama. Yang Amat Mulia Ungku Mohd Khalid telah dilantik sebagai Yang Dipertua Jabatan Agama dan Pelajaran.¹

Tujuan penubuhan jabatan ini adalah untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan soal keagamaan. Negeri Johor pada masa itu di bawah Pemerintahan Sultan Abu Bakar, yang juga bertanggungjawab dalam urusan keagamaan merasakan perlu kepada penubuhan jabatan ini, kerana banyak hal ehwal keagamaan yang tidak dapat dikendalikan dengan baik, disebabkan oleh tiada badan khusus yang mengendalikannya.

Sebagai agensi kerajaan, Jabatan Agama dan Pelajaran mempunyai satu jawatan eksekutif yang terpenting, iaitu Setiausaha Jabatan Agama dan Pelajaran. Jawatan yang pertama dipegang oleh Mohd Khalid Hj. Abdullah Munsyi.² Pada tahun 1906 Jabatan Pelajaran telah dipisahkan daripada Jabatan Agama dan menjadi satu jabatan yang berasingan, dengan itu Jabatan Agama telah diletakkan di bawah pentadbiran yang bersendirian dan lebih khusus bidangnya.³

¹ M.A. Fazi Basri dan Haron Hasrom, op.cit., m.s. 178.

² ibid.

³ ibid.

11. PENGENALAN JABATAN AGAMA ISLAM JOHOR (JAIJ).

Negeri Johor sekarang telah mempunyai dua agensi agama yang utama bagi urusan pentadbiran Islam, iaitu Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam Johor. Setiap agensi ini pula bergerak dalam bidang tugasnya masing-masing, sebagaimana yang telah ditentukan.

Sebagai sebuah badan yang beroperasi, JAIJ mempunyai bidangkuasa tertentu sebagaimana yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978. Di antara bidangkuasa JAIJ ialah sebagai pihak yang bertanggungjawab menghalang gerakan ajaran sesat atau salah dan lain-lain perbuatan keji yang bertentangan dengan hukum syara^c yang sebenarnya.¹ JAIJ sebagai pihak berkuasa Agama Islam dalam negeri berhak mengambil sebarang tindakan terhadap sesiapa sahaja yang mengajar atau menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan agama Islam yang sebenar.

Bidangkuasa yang ada pada JAIJ adalah selaras dengan objektif penubuhannya yang antara lain ialah:-²

- i) Melahirkan sebuah masyarakat yang menjadikan Islam sebagai cara hidup, dengan mengikut dan menghayati ajaran Islam seperti yang terkandung dalam Al-Quran dan Sunnah yang meliputi aspek-aspek aqidah, syariah, akhlak, ekonomi, sosial, pendidikan dan kebudayaan.

¹ Enakmen Jabatan Agama Islam Negeri Johor Bil. 14 Tahun 1978. Perlembang 157, m.s. 67.

² Sila lihat lampiran A.

ii) Menegakkan keadilan mengikut hukum-hukum Islam serta mengawasi dan membasmi murtad, "bid'ah", "Dhalalah", kemungkar-an, maksiat, khurafat dan fikiran-fikiran yang menjejaskan kesucian Islam.

Sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab menjaga kesucian agama Islam, yang menjadi anutan masyarakat Johor, JAIJ sentiasa melakukan pelbagai usaha untuk menghapus dan membasmi kemungkar-an dan ajaran yang bertentangan dengan Islam.

JAIJ bertanggungjawab untuk melaksana dan mentadbirkan hal ehwal keagamaan, berdasarkan kepada fatwa dan undang-undang yang telah dibuat oleh Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dengan bersandarkan kepada Al-Quran dan Sunnah. Berdasarkan bidang tugas yang ada padanya mencakupi dalam semua aspek seperti pendidikan, dakwah, penyelidikan, pentadbiran dan sebagainya, maka untuk memastikan segala pentadbiran berjalan dengan lancar jabatan ini telah dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian-bahagian tersebut ialah:-

- 1) Bahagian Pendidikan.
- 2) Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan.
- 3) Bahagian Dakwah.
- 4) Bahagian Penguatkuasa Dan Pendakwaan.
- 5) Bahagian Penyelidikan.
- 6) Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah.

Kesemua bahagian ini mempunyai tugasnya masing-masing yang diletakkan di bawah Yang Dipertua Jabatan. Agama Islam Johor. Setiap bahagian diketuai oleh seorang Penolong Ketua Pengarah. Bahagian-bahagian ini pula dipecah-pecahkan kepada beberapa unit,¹ dengan adanya pem bahagian ini tugas-tugas yang telah diagih-agihkan dapat dijalankan dengan lancar.

Sesuai dengan perkembangan semasa, JAIJ telah mengemukakan satu cadangan penyusunan semula struktur organisasi pentadbiran jabatan, bagi mewujudkan satu pentadbiran yang lebih mantap agar pelaksanaan segala fungsi dan tugas dapat berjalan dengan lebih kemas licin dan teratur.²

Dalam penyusunan semula struktur organisasi jabatan ini, pihak pentadbir hanya mengubahsuai dan menambah unit-unit yang terdapat di bawah bahagian masing-masing. Mengikut cadangan yang telah dikemukakan dan dikaji semula, struktur organisasi adalah seperti berikut:-²

- 1) Bahagian Pendidikan yang bertanggungjawab memberikan pendidikan dan latihan kepada anak-anak, dalam usaha melahirkan

¹ Temubual dengan Encik Abdul Rahman Abdullah, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan JAIJ, pada 27.8. 1989.

² Sila lihat lampiran B.

jenerasi yang berjiwa agama dan berakhlak mulia yang akan mewarisi kepemimpinan negara pada masa akan datang, telah dibahagikan kepada tiga unit:

- a) Unit Akademik.
- b) Unit Perkhidmatan Pelajaran.
- c) Unit Daerah.

2) Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan yang bertanggungjawab menyelia dan menyelaraskan jentera pentadbiran telah dibahagikan kepada:

- a) Unit Perkhidmatan Dan Pentadbiran.
- b) Unit Kewangan.
- c) Unit Pembangunan.

3) Bahagian Dakwah yang bertanggungjawab untuk melahirkan masyarakat muslim yang memahami pengajian Islam serta mempraktikkannya, mempunyai unit-unit seperti berikut:

- a) Unit Qariah.
- b) Unit Sebaran am.
- c) Unit Ukhwah.
- d) Unit Penerbitan.

4) Bahagian Penguatkuasa yang bertanggungjawab melakukan pencegahan dan membasmi kemungkar, maksiat dan fikiran-fikiran yang bertentangan dengan Agama Islam mempunyai unit-unit

berikut:

a) Unit Pencegahan Dan Penguatkuasa.

b) Unit Pendakwaan.

5) Bahagian Penyelidikan, bertugas untuk melakukan penyelidikan dan kajian bagi kegiatan-kegiatan kebajikan, pentadbiran dan pelajaran dibahagikan kepada unit-unit berikut:

a) Unit Syariah.

b) Unit Ekonomi Dan Sosial.

c) Unit Penafsiran.

6) Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah yang bertugas mentadbir undang-undang Mahkamah Syariah telah dibahagikan kepada unit-unit:

a) Unit Pembangunan Keluarga.

b) Unit Khidmat Nasihat.

Begitulah pembahagian yang telah disusun semula dalam struktur organisasi Jabatan Agama Islam Johor. Berdasarkan kepada pembahagian ini, tugas untuk membasmi dan mengawasi perkembangan gerakan ajaran sesat diletakkan di bawah Bahagian Penyelidikan dan Bahagian Penguatkuasa. Walaubagaimanapun kedua-dua bahagian ini dibantu oleh bahagian-bahagian lain yang ada dalam JAIJ.

12. PERANAN JABATAN AGAMA ISLAM JOHOR DALAM MEMBASMI AJARAN SESAT.

Sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab menjaga kesucian dan ketinggian Islam, maka JAIJ memainkan peranan penting dalam menjalankan aktiviti-aktiviti "amar ma'ruf dan nahi mungkar" menerusi program dakwah. Oleh itu tugas membentaras ajaran sesat adalah di bawah tanggungjawab jabatan ini.

Memandangkan beratnya tugas ini, maka Bahagian Dakwah, Bahagian Penyelidikan dan Bahagian Penguatkuasa telah menggembeling tenaga memainkan perannya dalam usaha membasmi ajaran sesat di Johor. Bahagian yang khusus memainkan peranan dalam membentaras ajaran salah ini ialah Bahagian Penyelidikan di bawah Ustaz Abdul Latif Awang. Bahagian ini bertanggungjawab untuk mengadakan kajian dan siasatan yang teliti terhadap kumpulan-kumpulan ajaran sesat yang ada di Johor, sebelum atau sesudah berlakunya tangkapan terhadap orang yang menyebarkan ajaran tersebut.

Bahagian tersebut juga bertanggungjawab menjalankan kajian dan penyelidikan tentang kegiatan-kegiatan kabajikan, pentadbiran Undang-Undang Syariah dan Pelajaran. Ia sentiasa memberikan pandangan-pandangan serta perakuan bagi mengatasi masalah yang telah dikaji, melalui kertas-kertas kerja yang dibentangkan dalam mesyuarat atau persidangan yang berkenaan dengan tugasnya.

Kedua-dua bahagian ini juga bertanggungjawab untuk melakukan pencegahan dan pendakwaan terhadap mereka yang melakukan kesalahan samada dalam bentuk kemungkarannya, maksiat, "bid'ah", khurafat dan fikiran-fikiran yang boleh menjejaskan aqidah umat Islam. Kerjasama dari bahagian-bahagian lain amat diperlukan, kerana ia mempunyai kuasa menegakkan keadilan mengikut hukum-hukum Islam, di bawah kuasa Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor. Mengikut enakmen tersebut, sesiapa yang didapati bersalah menyebarkan ajaran sesat, boleh dihukum dengan denda tidak lebih dari lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih dari tiga bulan atau kedua-duanya sekali dan segala dokumen bertulis ajaran salah itu hendaklah dirampas dan dimusnahkan atau sebagaimana yang telah diarahkan oleh mahkamah.¹

Jika difikirkan secara teliti kata-kata hikmat berikut "mencegah penyakit adalah lebih baik dari mengubatnya" maka didapati ada kebenarannya. Begitulah juga dengan masalah ini, mencegah kegiatan ajaran sesat dari berkembang adalah lebih baik dari membasminya, kerana sesuatu yang telah sebatikan dalam diri seseorang itu, sukar untuk diubah.

Menyedari keadaan inilah maka Bahagian Dakwah telah turut sama menyumbangkan tenaganya, dalam usaha mencegah berkembangnya ajaran

¹ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor, op.cit.

salah di kalangan masyarakat. Bahagian ini telah memainkan peranannya dengan mengadakan berbagai aktiviti yang boleh memberi kefahaman Islam yang sebenarnya kepada masyarakat. Bahagian ini telah mengadakan berbagai kegiatan kebajikan dunia dan akhirat menerusi pelajaran agama, syarahan, dakwah, penerangan dan perkhidmatan kebajikan. Di antara aktiviti yang diadakan ialah, menjalankan ceramah umum dan khusus, kelas fardu ^Gain, menerbitkan risalah agama, mengendalikan penerbitan mengenai syiar dan syariat Islam dan lain-lain lagi.

Manakala unit ukhwah dalam bahagian ini pula telah menjalankan urusan dan penyelarasan pengislaman saudara baru serta membuat tindakan susulan melalui urusan pengajian dan tabligh. Manakala Unit Qariah pula telah mengadakan kelas ceramah agama di masjid-masjid atau surau surau yang terdapat di kampung-kampung.

Dengan ini jelaslah bahawa tanggungjawab untuk membentaras ajaran sesat telah ditentukan kepada bahagian tertentu oleh pihak JAIJ. Tugas ini dipertanggungjawabkan khusus kepada Bahagian Penyelidikan. Manakala bahagian-bahagian lain yang ada di bawah JAIJ membantu bahagian Penyelidikan mengikut saluran masing-masing. Dengan ini diharapkan segala usaha pembasmian dapat dijalankan dengan licin dan berkesan.